

02 MAR 2000

MAHATHIR-PERDAGANGAN

PENGUNCUPAN LEBIHAN PERDAGANGAN TIDAK MEMBIMBANGKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Malaysia tidak bimbang dengan penguncupan lebih perdagangan bagi Januari tahun ini berbanding dengan bulan sebelumnya kerana "lebih perdagangan dalam mana-mana bulan adalah tidak tetap," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Ia masih lagi mencatatkan lebih dan masih lagi dalam jumlah yang besar, kadang-kadang ia lebih, kadang-kadang ia kurang dan kadang-kadang berlaku defisit tapi kita tidak bimbang mengenainya," kata Perdana Menteri ketika mengulas berhubung angka perdagangan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan semalam selepas menyampaikan ucapan di seminar Pengurusan Asean, di sini.

Lebih perdagangan bagi Januari 2000 berada pada RM4.5 bilion, mencatatkan penurunan besar berbanding dengan lebih RM8.6 bilion yang dicatatkan pada Disember tahun lalu berikutan peningkatan import.

Menyentuh mengenai kenaikan perbelanjaan import, Dr Mahathir berkata ia mencerminkan peningkatan seterusnya ekonomi negara "kerana Malaysia mengimport lebih banyak barangan perantara untuk menghasilkan produk siap."

Menurutnya, kenaikan dalam jumlah import sebenarnya diterjemahkan dalam peningkatan jumlah eksport.

Jabatan Perangkaan juga melaporkan Malaysia mencatatkan lebih perdagangan lebih tinggi sebanyak 4.5 peratus bagi Januari tahun ini berjumlah RM4.5 bilion berbanding dengan lebih RM4.3 bilion dalam bulan yang sama tahun lalu.

Ini bermakna imbalan perdagangan Malaysia sentiasa mencatatkan lebih bagi tempoh 27 bulan berturut-turut sejak November 1997.

--BERNAMA

MK ZK